No. 12, Jalan DBP, Dolomite Business Park, 68100 Batu Caves, Selangor, MALAYSIA

Tel: +603-6188 0316 Faks: +603-6189 1316

## **KENYATAAN MEDIA BUKU AKAN TERBIT**

## Buku Salahuddin Al-Ayyubi: Wira Pembebasan Baitul Maqdis

PTS Publishing House tampil dengan komik grafik terbaru yang bertajuk Salahuddin Al-Ayyubi: Wira Pembebasan Baitul Maqdis. Novel grafik ini mengisahkan tentang Salahuddin Al-Ayyubi, iaitu satu watak besar dalam lembaran sejarah Islam. Legenda yang mengukir pelbagai pencapaian hebat semasa hayatnya. Panglima perang yang mendedikasikan hidupnya untuk dua tujuan, iaitu menyatukan umat Islam di bawah kekuasaannya demi memimpin jihad menentang Tentera Salib dan mengusir mereka dari jajahan takluk mereka di Syria-Palestin. Cita-citanya yang tinggi itu tercapai dengan kemenangan tentera Islam dalam pertempuran di Hattin pada tahun 1187. Kejayaan itu turut membuka jalan kepada Salahuddin dan tenteranya untuk membebaskan semula Baitul Maqdis selepas hampir satu kurun lamanya ditakluk oleh Tentera Salib.

## Antara kelebihan buku ini adalah:

- Ia adalah sebuah novel grafik.
- Sepenuhnya berwarna dan bergambar. Ini menjadikan pembacaan terasa segar dan ringan.
  Gambar-gambar dapat menjadi halwa mata dan merehatkan jiwa.
- Lukisan yang dilukis dapat menarik minat pembaca terutamanya para remaja untuk mengetahui sejarah tokoh ini.
- Novel ini hasil terjemahan daripada bahasa Perancis. Penterjemah cuba menterjemah kepada bahasa Melayu yang mudah untuk difahami tanpa mengusik fakta yang cuba disampaikan, tanpa ada sentimen berat sebelah supaya pembaca dapat menerima mesej serta fakta yang disampaikan.

Semoga novel grafik yang diterjemah ini dapat memberi pengajaran dan nilai-nilai murni kepada pembaca. Juga pembaca dapat menghargai perbezaan sudut pandangan bagaimana sejarawan dari barat melihat tokoh sejarah ini dengan sumber-sumber yang mereka ada.

AMIRATUL AWATIF GHAZALI

**Publicist** 

PTS Media Group Sdn. Bhd.

H/P: 016-661 1974

E-mel: awatif@pts.com.my